

WANITA BAJAU TONGGAK KELUARGA NELAYAN ARTISANAL KAMPUNG MENGKABONG, TUARAN, SABAH

*(Bajau Women as A Key Workforce in Artisanal Fishermen
Family in Mengkabong Village, Tuaran, Sabah)*

*Mohammad Raduan bin Mohd Ariff, Thirunaukarasu Subramaniam &
Mohammad Sharir bin Mohd Raduan*

Abstract

Fishermen comprise mainly men engaged in fishing activities. Women are however involved mainly in grading tasks, packaging and processing of fish. This article attempts to show that the female Bajau in Kampung Mengkabong, Tuaran, Sabah is also engaged in fishing activities using traditional methods. They sell fish and other fishery products. More interestingly, they play a key role in the management and administration of family finances. This paper explains how they simultaneously perform fishing-related activities, marketing, managing family finances and subsequently saving. The Bajau community is commonly associated with fishing activities, and, consequently, living below the hardcore poverty line as portrayed by several studies. However, the findings of this study suggest otherwise. This study is based on a survey conducted on fifty Bajau women who are involved in various fishery activities, from production to marketing, in Tuaran, Sabah.

Keywords: Gender, workforce, Artisanal fishermen, poverty, and Sabah

Pengenalan

Setiap pagi berhampiran Pasar Ikan Tuaran boleh didapati pemandangan kaum wanita sedang menjual ikan dan hasil perikanan di bawah payung di pinggir jalan atau di kaki lima pasar. Mereka adalah wanita Bajau dari Kampung Mengkabong yang terlibat dalam aktiviti menangkap ikan dan memasarkan sendiri hasil perikanan keluarga mereka. Petempatan Kampung Mengkabong terletak berhampiran Sungai Kabong yang terdiri daripada tujuh buah kampung iaitu Kampung Tembuluk, Kampung Jembulang, Kampung Buansa, Kampung Mempelam, Kampung Pensurun, Kampung Gerinsing dan Kampung Soang Krumuan. Jumlah penduduk bagi Kampung Mengkabong adalah seramai 2,499 orang di mana 97% daripadanya merupakan suku kaum Bajau. Wanita-wanita Bajau yang dinyatakan di atas, 65% daripada mereka berumur di antara 30 hingga 50 tahun, sementara 20% berumur di antara 50 hingga 65 tahun. Hampir keseluruhan mereka (95%) merupakan isteri nelayan dan 5% adalah janda. Wanita ini mempunyai bilangan tanggungan yang sederhana ramai, iaitu 60% mempunyai

tanggungan di antara tiga hingga enam orang dan 15% mempunyai tanggungan di antara tujuh hingga lapan orang. Wanita Bajau ini 40% tidak pernah bersekolah, masing-masing 20% menamatkan persekolahan di peringkat sekolah rendah, peringkat Penilaian Menengah Rendah dan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Mereka menjalankan kegiatan menangkap ikan secara tradisional, di muara sungai berhampiran kampung mereka. Kegiatan tersebut dijalankan, kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk melakukan pekerjaan lain disebabkan tiada kemahiran dan taraf pelajaran yang rendah, membantu suami dan sebagai meneruskan pekerjaan tradisi keluarga. Mereka menangkap ikan dengan menggunakan peralatan tradisional seperti jala, jaring, tajur, bintur dan bubu. Kegiatan menangkap ikan dijalankan pulang hari, dan jumlah hari ke laut dalam sebulan di antara 21 hingga 28 hari. Mereka tinggal di perkampungan atas air yang lokasinya lebih kurang lima kilometer sahaja dari Pekan Tuaran.

Aktiviti Harian Wanita Bajau

Wanita Bajau bangun seawal 5.00 pagi. Setelah bersolat Subuh mereka menyiapkan sarapan pagi untuk suami yang akan pulang dari laut dan untuk anak-anak yang akan ke sekolah. Sarapan pagi biasanya terdiri daripada air teh atau air kopi tanpa susu, dan dilengkapi dengan nasi bersama lauk semalam yang diperangat. Hidangan tersebut diletakkan di atas meja dan kemudian ditutup dengan tudung salji. Bagi yang tidak mempunyai meja makan, makanan tersebut dibiarkan sahaja di atas dapur. Suami akan makan sarapan setelah pulang dari laut, dan anak-anak pula sebelum pergi ke sekolah. Sarapan pagi dengan nasi ini amat penting kerana biasanya anak-anak tidak membawa bekal makanan dan hanya diberikan duit belanja sekolah.

Kira-kira jam 6.00 pagi suami wanita Bajau akan pulang dari laut, biasanya dengan membawa hasil tangkapan. Banyak atau sedikit tidak menentu. Hasil tangkapan tersebut akan dimasukkan ke dalam tong atau pun ke dalam baldi besar yang kemudiannya ditutup bagi menjaga kesegaran dan mengelakkan dari dilarikan oleh kucing. Wanita Bajau akan turun ke perahu bersama perkakas menangkap ikan mereka, sama ada jala atau jaring kira-kira jam 6.15 pagi dan terus berkayuh menuju ke muara sungai. Mereka pergi bersendirian atau ditemani oleh anak perempuan mereka. Di sungai akan didapati wanita-wanita Bajau sekampung melakukan kerja yang sama.

Selepas setengah jam berdayung, mereka akan sampai ke kawasan operasi menangkap ikan. Mereka akan terus menjala atau menjaring, yang biasanya dilakukan di kawasan-kawasan berhampiran tebing sungai atau tepi pantai bakau. Dalam pada itu ada juga nelayan wanita Bajau yang menggunakan peralatan bubu dan tajur untuk menangkap ikan dan menggunakan *bintur* untuk menangkap ketam. Bubu, tajur dan *bintur* telah ditenggelamkan pada hari sebelumnya. Kedatangan mereka pada pagi itu untuk mengutip hasil tangkapan, membubuh umpan baru dan menenggelamkan semula bubu, tajur dan *bintur* mereka. Operasi menangkap ikan tersebut dijalankan selama satu hingga dua jam. Kemudian mereka akan segera pulang ke rumah masing-masing. Hasil tangkapan biasanya terdiri daripada udang, ketam dan pelbagai jenis ikan muara sungai.

Sesampai di rumah mereka akan mendaratkan hasil tangkapan dan mencampurkannya dengan hasil tangkapan yang diperoleh oleh suami mereka

malam tadi. Sebahagian daripada hasil tangkapan akan diasingkan untuk dijadikan lauk pada hari itu. Sekiranya hasil tangkapan yang diperoleh sedikit, tetapi melebihi daripada keperluan lauk, wanita Bajau akan menyerahkan kepada rakan-rakan yang mendapat hasil yang banyak yang akan memasarkan hasil tangkapan mereka ke Pekan Tuaran. Hasil tangkapan tersebut akan diserahkan tanpa di gred atau ditimbang terlebih dahulu. Mereka menyerahkan bulat-bulat kepada rakan mereka untuk memasarkannya. Kepercayaan dan persahabatan lebih penting daripada wang ringgit. Dalam pada itu, ada juga di antara mereka yang meminta saudara-mara untuk memasarkan hasil tangkapan yang sedikit.

Semasa mendapat hasil tangkapan yang memuaskan, wanita Bajau setelah sampai di rumah akan membersihkan badan dan bersarapan kemudian bergegas untuk pergi memasarkan hasil tangkapan ke Tuaran. Mereka akan membawa hasil tangkapan dalam satu atau dua baldi plastik besar, beg plastik yang akan digunakan bagi ikan yang telah dijual kepada pengguna, tikar getah atau plastik berukuran 3' X 4' untuk memperagakan ikan, bangku plastik kecil untuk duduk semasa menjual ikan, baldi kecil untuk mengisi air bagi menyiram ikan dan udang yang diperagakan, dan juga untuk digunakan membasuh jari pembeli. Hasil tangkapan dan barang-barang tersebut dibawa dengan menaiki "kereta sapu"¹ atau van milik orang Bajau setempat. Masa perjalanan sekitar lima hingga sepuluh minit, kerana jarak tempat tinggal wanita Bajau di Kampung Mengkabong ke Pekan Tuaran sekitar lima kilometer.

Sesampai di Pekan Tuaran hasil tangkapan dan barang-barang keperluan jualan akan diturunkan di tapak jualan. Tapak jualan terletak di bawah pokok di pinggir jalan berhampiran dengan Pasar Ikan Pekan Tuaran. Dengan kata lain mereka berniaga di luar pasar, selain daripada pinggir jalan ada sebilangan daripada mereka yang berjaja di kaki lima pasar tersebut. Mereka menjalankan perniagaan tanpa memiliki lesen perniagaan. Kemudian mereka akan pergi ke kedai runcit tempat mereka selalu berbelanja untuk mengambil payung besar yang ditumpangkan di kedai tersebut. Payung besar di pasang, tikar getah atau plastik di bentang dan kemudian sedikit demi sedikit hasil tangkapan dikeluarkan daripada baldi besar. Hasil tangkapan digredkan mengikut jenis udang, ketam, ikan dan juga mengikut saiz. Setelah digredkan hasil tangkapan itu ditompok-tompokkan di atas tikar getah atau plastik yang telah dibentangkan. Wanita Bajau tidak menggunakan timbang, kerana pertama mereka menganggap harga sebuah timbang sangat mahal, kedua sukar untuk membawa pergi dan pulang dan dari masa ke semasa perlu dipantau ketepatan bacaan timbang. Bagaimana pun yang lebih meyakinkan ialah mereka tidak tahu menjalankan urus niaga dengan menggunakan timbang. Mereka agak sukar untuk menentukan harga sekiranya bacaan timbang tidak pada bacaan yang tepat pada kilonya. Mereka mungkin mengetahui harga satu kilo, tetapi akan memakan masa yang lama atau langsung tidak tahu sekiranya berat timbangan tidak sampai satu kilo, seperti 850 gram.

Gambar 1: Wanita-wanita Bajau Sedang Berjualan Hasil Tangkapan Mereka Di Pasar Tamu, Tuaran



Sumber: Kajian Lapangan

Pernyataan di atas hanya berlaku kepada wanita-wanita Bajau yang telah lanjut umur. Bagaimana pun bagi wanita Bajau yang berumur 30 hingga 50 tahun, mereka menggunakan timbang dan mesin kira. Walau pun timbang digunakan, mereka tetap menjual ikan dan hasil perikanan dengan cara tompok. Apa yang dilakukan ialah mereka menimbang ikan atau udang terlebih dahulu, kemudian meletakkannya dalam tompok-tompok. Satu tompok beratnya satu kilo. Peniaga ini bukan sahaja menimbang ikan dan udang jualannya, mereka juga turut membantu menimbang ikan dan udang jiran-jiran di sebelah mereka. Dengan kata lain sebuah timbang akan digunakan secara berkongsi.

Hasil tangkapan seperti udang dijual dengan harga RM8.00 hingga RM10.00 satu tompok. Sementara ketam dijual mengikut ikatan, di mana bilangan ketam pada satu ikatan telah ditentukan. Harga satu ikat juga di antara RM8.00 hingga RM10.00. Sementara itu ikan-ikan bersaiz kecil dijual dalam bentuk tompok, sementara ikan bersaiz besar dijual dalam kiraan ekor. Tompok-tompok udang dan ikan dari masa ke semasa disiram atau direnjis dengan air supaya kelihatan segar. Selain udang, ketam dan ikan ada di antara wanita Bajau yang menjual rumpai laut, siput dan kima. Rumpai laut mereka peroleh dari Semporna dengan cara memesan daripada pengkultur-pengkultur rumpai laut, juga dari suku kaum Bajau di Daerah Semporna pada hari sebelumnya. Rumpai laut tersebut mereka beli dalam jumlah beberapa guni dan dikirimkan melalui bas ekspres yang berulang alik di antara Semporna dan Kota Kinabalu. Dari Kota Kinabalu ke Pekan Tuaran rumpai laut di bawa dengan van, teksi atau 'kereta sapu'.

Gambar 2: Wanita Bajau Sedang Menjual Rumpai Laut Di Pasar Tamu, Tuaran



Sumber: Kajian Lapangan

Perniagaan wanita Bajau biasanya bermula dari jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengah hari. Sepanjang tempoh tersebut, wanita Bajau akan duduk di atas bangku kecil di hadapan jualan ikan mereka. Bagi yang berniaga di kaki lima pasar, mereka akan duduk di atas lantai simen kaki lima pasar tersebut. Harga ikan pada awal pagi diletakkan agak tinggi sedikit, kerana pada masa itu ikan masih segar dan pembeli pun masih ramai. Pembeli gemar membeli ikan daripada wanita Bajau kerana harganya lebih rendah daripada ikan yang dijual di dalam pasar. Selain daripada itu pembeli masih boleh tawar menawar dengan peniaga tersebut. Biasanya permintaan pembeli dilayan asalkan mereka menawar tidak melebihi 20% daripada harga jualan asal. Apabila matahari sudah meningkat tinggi dan pembeli sudah berkurangan, harga ikan diturunkan sedikit. Umpamanya, harga waktu pagi RM10.00 setompok diturunkan kepada RM8.00 setompok. Pembeli di waktu tengah hari yang menawar, selalunya harga setompok ikan tidak diturunkan tetapi wanita Bajau akan menurunkan harga jika membeli dua tempok. Misalnya harga setompok ikan RM8.00 jika dibeli dua tempok RM14.00 dan tiga tempok RM18.00.

Walaupun ikan dan udang telah ditompok-tompokan, pembeli masih dibenarkan memilih udang atau ikan dari tempok yang berlainan. Ini menjadi daya tarik pembeli untuk membeli dengan wanita Bajau, selain daripada harga yang murah mereka boleh pula memilih udang atau ikan yang hendak dibeli. Memilih udang atau ikan tidak boleh dilakukan pada peniaga-peniaga ikan di dalam pasar, kerana mereka menjual ikan dan udang mengikut gred. Lain gred lain harganya. Wanita Bajau akan menggantikan ikan atau udang yang dipilih daripada tempok yang telah disediakan dengan udang dan ikan yang baru. Bagi dua atau tiga tempok yang terakhir, oleh sebab wanita Bajau sudah hendak pulang mereka menjual barangan jualan dengan harga yang murah iaitu separuh daripada harga asal.

Wanita Bajau yang berniaga di luar pasar iaitu di pinggir jalan dan kaki lima pasar sekitar 40 hingga 55 orang. Mereka berniaga secara bersendirian atau dibantu oleh anak-anak perempuan mereka secara bergilir. Walaupun mereka ramai, namun begitu suasana urus niaga tidak riuh rendah seperti di dalam pasar. Ini disebabkan wanita-wanita ini tidak melaung-laungkan jenis jualan mereka dan tidak juga melakukan promosi yang boleh mempengaruhi pembeli. Mereka hanya menyapa pembeli apabila pembeli sudah berdiri di hadapan tikar mereka, atau ketika pembeli lalu di hadapan mereka dengan sapaan yang mudah, agak perlahan dan sambil tersenyum. Umpamanya, mereka akan menyapa dengan menyatakan "beli ikan bos", "udang bos, murah" atau pun "masih baru, peres (*fresh*) bos". Sekiranya pembeli berlalu dan pergi ke penjual di sebelah, mereka membiarkan sahaja dan tidak cuba merayu atau meraih simpati pembeli. Biasanya, wanita Bajau ini mempunyai pelanggan yang tetap. Selain boleh tawar menawar, mereka selalunya menunjukkan kemesraan kepada pelanggan mereka. Sambil membungkus ikan atau udang mereka menanyakan khabar pelanggan, mengapa mereka datang awal atau lewat, apakah jenis masakan yang akan dilakukan kepada ikan atau udang yang dibeli dan sebagainya. Dalam pada itu wanita Bajau ini suka bersedekah. Mereka akan menambah beberapa ekor udang atau ikan ke dalam beg plastik pelanggan. Tindakan mereka ini menawan hati pelanggan kerana memperlihatkan bahawa wanita Bajau tidak begitu berkira dalam urus niaga.

Tindakan wanita Bajau menjual ikan dengan harga lebih murah, tidak mendapat bantahan daripada peniaga-peniaga ikan di dalam pasar. Ini disebabkan mereka berpandangan kuantiti yang dijual oleh wanita-wanita tersebut adalah sedikit dan tidak menggugat perniagaan mereka. Selain daripada itu, masa perniagaan juga adalah singkat sekitar empat jam sehari. Jenis ikan dan udang yang dijual oleh wanita Bajau, terbatas kepada akuatik muara sungai sahaja, menyebabkan peniaga dalam pasar tidak merasa resah. Peniaga dalam pasar menjual pelbagai jenis ikan pelagik dan demersal yang datangnya dari perairan pinggir pantai hinggalah ke perairan laut dalam. Kepelbagaian jenis ikan ini juga menyebabkan peniaga-peniaga dalam pasar mempunyai pelanggan yang tertentu. Dengan kata lain, wanita Bajau tidak benar-benar mewujudkan persaingan dengan peniaga-peniaga di dalam pasar.

Sepanjang menjalankan perniagaan wanita Bajau berbual sesama sendiri. Mereka berbual dengan menggunakan bahasa Bajau, dan hanya menggunakan Bahasa Melayu apabila berbicara dengan pembeli atau siapa sahaja dari keturunan bukan Bajau. Untuk menghilangkan haus, mereka membeli air daripada wanita Bajau yang berniaga pelbagai rasa air batu dan air dalam tin, yang kemudiannya dimasukkan ke dalam plastik. Mereka minum sedikit demi sedikit ketika tempat jualan mereka tidak dikunjungi pelanggan. Sekiranya berasa lapar mereka akan membeli satu atau dua potong kuih daripada peniaga-peniaga yang juga terdiri daripada wanita Bajau.

Dari segi hasil jualan, pendapatan yang diterima agak berbeza sedikit di antara hujung minggu dengan hari-hari biasa. Pada hujung minggu mereka mendapat lebih pendapatan kerana pada hari Sabtu dan Ahad bilangan pelanggan bertambah. Hari Sabtu dan Ahad adalah hari cuti kepada kakitangan kerajaan dan beberapa syarikat swasta. Selain daripada itu, hari Ahad juga merupakan hari Tamu bagi Pekan Tuaran. Tamu Tuaran telah terkenal sejak zaman penjajahan British lagi. Pada hari Tamu ramai pembeli datang dari luar Tuaran, khususnya dari Kota Kinabalu. Jarak Pekan Tuaran dengan Bandar raya Kota Kinabalu hanya

34 kilometer sahaja, Mereka datang ke Tuaran untuk berbelanja dengan harga yang murah, di samping dapat membeli sayur-sayuran kampung, kuih-kuih tradisional, masakan kampung dan lain-lain yang sukar didapati di Kota Kinabalu. Pekan Tuaran menjadi penuh sesak ketika Tamu diadakan. Pada kedua hari tersebut secara purata wanita Bajau memperoleh pendapatan di antara RM100.00 hingga RM200.00. Sedangkan pada hari-hari biasa mereka memperoleh pendapatan di antara RM50.00 hingga RM100.00.

Wanita Bajau menamatkan perniagaan sekitar jam 1.00 tengah hari. Mereka akan berkemas dengan memasukkan semula ikan atau udang ke dalam baldi sekiranya ada yang tidak habis dijual, melipat tikar, menutup payung dan mengira hasil pendapatan pada hari itu. Kemudian mereka akan menuju ke kedai runcit tempat mereka biasa berlanggan. Payung akan disimpan di situ, dan seterusnya mereka akan membeli barang-barang keperluan dapur seperti beras, gula, kopi, teh, minyak masak dan sebagainya. Selain daripada keperluan dapur, biasanya mereka akan membeli satu atau dua kotak rokok yang dipesan oleh suami.

Sekiranya ikan dan udang laris dijual, mereka akan memberhentikan perniagaan lebih awal. Setelah berkemas mereka akan pergi ke kedai emas di bandar itu. Mereka akan melihat dan jika berkenan mereka akan menawar harga barang kemas tersebut. Setelah dipersetujui harganya mereka akan membelinya. Cara pembayaran agak berbeza dengan amalan biasa. Wanita Bajau akan membayar secara beransur-ansur, bergantung pada pendapatan harian mereka. Mereka hanya akan mengambil barang kemas itu sekiranya jumlah bayaran sepenuhnya telah dibuat. Dengan kata lain bayar dahulu baharu ambil atau istilah sekarang dikatakan pra-bayar. Urusan melihat dan membeli barang kemas perlu diselesaikan sebelum jam 2.00 petang, kerana pada waktu tersebut mereka akan pulang ke rumah dengan menaiki 'kereta sapu' atau van.

Sampai di rumah bagi mereka yang tidak mempunyai anak perempuan remaja, mereka perlu memasak. Masakan makanan tengah hari, biasanya hanya dapat dihidangkan sekitar jam 3.00 petang. Masakan keluarga Bajau amat ringkas. Mereka tidak mengamalkan pemakanan seimbang. Hidangan mereka hanya terdiri daripada nasi, sejenis lauk yang digoreng dan sejenis lauk berkuah. Jarang sekali keluarga Bajau makan sayur-sayuran. Sekiranya ada, sayurnya terdiri daripada rumpai laut. Hidangan tengah hari adalah sama dengan hidangan makan malam. Lebihan makanan makan malam akan diperangat semula untuk dijadikan sarapan pagi. Walaupun menu makanan sama sepanjang hari, mereka makan dalam jumlah yang banyak. Menu makanan berbeza mengikut hari dan jenis hasil tangkapan. Bagi wanita Bajau yang mempunyai anak perempuan remaja, tugas menyediakan makanan diuruskan oleh anak-anak mereka. Walaupun begitu waktu makan siang tetap sekitar jam 3.00 petang.

Masa dari jam 3.00 petang hingga jam 6.30 petang digunakan oleh wanita Bajau untuk berehat. Sekiranya tidak ada apa-apa kerja hendak dilakukan mereka akan tidur. Biasanya waktu sebelah petang mereka gunakan untuk membasuh kain. Kain yang telah dibasuh akan dijemur di ampaian sama ada di pelantar atau beranda rumah. Mereka tidak menjemur kain di laman, kerana rumah mereka dibina di atas permukaan air. Dalam pada itu terdapat juga wanita Bajau yang menggunakan waktu tersebut untuk menyiram pokok-pokok bunga, memangkas daun dan membubuh baja. Pokok-pokok bunga mereka tidak ditanam di tanah, tetapi ditanam dalam pasu atau dalam tong-tong bekas mengisi ikan. Pasu-pasu

bunga tersebut disusun berbaris atau digantung di beranda rumah atau di titian menghala ke laut.

Bagi wanita Bajau yang hasil tangkapannya tidak habis dijual, mereka akan memproses hasil tersebut untuk dijadikan ikan masin dan udang kering. Ikan akan di siang dan kemudian dibubuh garam, setelah itu akan dijemur di pelantar rumah atau di atas bumbung beranda rumah. Kerja-kerja membuat ikan masin dan udang kering ini dijalankan oleh wanita Bajau secara bersendirian atau dibantu oleh anak-anak perempuan mereka. Setelah beberapa hari ikan masin dan udang kering diangkat dan dimasukkan ke dalam tin. Ikan masin dan udang kering ini bukan untuk dijual tetapi untuk makan sendiri.

Wanita Bajau tidak dapat menjalankan kerja-kerja sampingan bukan perikanan yang lain seperti bercucuk tanam atau memelihara ternakan ayam itik, disebabkan mereka tidak mempunyai tanah. Tanah yang ada di persekitaran rumah mereka tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Seperti kebanyakan kampung-kampung nelayan lain di Sabah, adalah dibina di kawasan rawa dan kawasan berpaya di antara laut dan tanah daratan. Tanah-tanah tersebut tidak pernah diusahakan dan terletak terpinggir daripada pusat pembangunan. Sifatnya yang terpinggir dan tidak diusahakan itu, memberanikan nelayan membina kawasan petempatan di tempat itu. Nelayan membina petempatan di atas permukaan air, bagi memudahkan mereka untuk pergi ke laut. Dengan yang demikian, keluarga nelayan tidak mempunyai peluang untuk menjalankan kerja-kerja sampingan di kawasan setempat. Tambahan lagi mereka tidak mempunyai kemahiran dan taraf pelajaran juga adalah rendah untuk membolehkan mereka menceburi bidang lain selain daripada perikanan.

Di sebelah malam wanita Bajau menggunakan masa tersebut untuk melipat kain, menyediakan makan malam atau menonton televisyen. Selain daripada itu, masa tersebut digunakan juga untuk menjahit jala atau membubu jaring yang telah koyak. Mereka akan masuk tidur sekitar jam 10.30 malam.

Daripada pemerhatian didapati wanita Bajau tidak begitu mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Mereka hanya berperanan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan seperti makanan, pakaian dan tambang sekolah. Ini disebabkan mereka sendiri seramai 40.0% tidak pernah bersekolah, 20.0% hanya tamat sekolah rendah, dan bakinya masing-masing 20.0% tamat Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Daripada temu bual yang dijalankan didapati mereka menghantar anak ke sekolah disebabkan telah diwajibkan oleh pihak kerajaan. Mereka khuatir jika tidak berbuat demikian, akan dikenakan tindakan undang-undang. Wanita Bajau kebanyakan mereka tidak yakin akan pelajaran boleh mengubah taraf hidup mereka. Hujah mereka anak-anak nelayan di Kampung Mengkabung yang telah tamat persekolahan hingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, hampir keseluruhan mereka tidak mempunyai pekerjaan. Kebanyakan mereka menganggur dan tidak kurang pula yang bekerja sebagai nelayan artisanal seperti ibu bapa mereka.

Pendapatan, Perbelanjaan dan Tabungan

Kajian tentang pendapatan, perbelanjaan dan tabungan sewajarnya dijalankan kepada kaum wanita Bajau, walaupun sebahagian besar daripada mereka bukan merupakan ketua keluarga. Ketua Keluarga yang terdiri daripada golongan

perempuan, hanya wanita Bajau yang bertaraf janda sahaja. Ini bertepatan kerana suami-suami wanita Bajau tidak terlibat langsung dengan urusan dan pentadbiran kewangan keluarga. Mereka menjalankan aktiviti menangkap ikan dan menyerahkan hasil tangkapan kepada isterinya untuk dipasarkan. Isteri mereka akan membelikan mereka rokok dan memberi duit kopi² setiap hari selepas pulang dari pasar. Segala urusan kewangan dan pentadbiran rumah tangga diserahkan sepenuhnya kepada isteri.

Purata Pendapatan Bulanan Keluarga Wanita Bajau

Menyentuh dari segi purata pendapatan bulanan, ia dirujuk kepada pendapatan yang diperolehi wanita Bajau bersama suami mereka daripada pekerjaan utama sebagai nelayan. Dalam kajian ini didapati wanita Bajau dan suami mereka tidak menjalankan pekerjaan sampingan. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai tanah, tiada kemahiran dalam pekerjaan lain selain sebagai nelayan dan peluang pekerjaan di kawasan setempat amat terhad. Anak-anak juga tidak membantu kerana pada umur yang agak muda, iaitu awal dua puluhan, mereka telah mempunyai keluarga dan tanggungan sendiri. Kebanyakan anak mereka juga bekerja sebagai nelayan artisenal.

Keluarga wanita Bajau ini selalu dikategorikan sebagai golongan miskin atau golongan termiskin. Ini disebabkan semasa penyelidikan dijalankan oleh beberapa pihak dengan menggunakan borang soal-selidik, tidak memerhatikan dan tidak juga menyemak semula kesahihan jawapan yang diberikan oleh responden. Responden yang dikaji berkecenderungan untuk menyatakan pendapatan yang amat rendah, bertujuan untuk mendapat simpati daripada pihak pengkaji. Ini dilakukan kerana mengandaikan pengkaji adalah daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan Sabah atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Cawangan Sabah dan agensi-agensi yang lain, yang datang membuat banci atau kajian untuk menghulurkan pelbagai bentuk bantuan dan subsidi. Mereka mengharapkan nama mereka tersenarai dalam kategori nelayan yang layak menerima bantuan.

Secara umum keluarga nelayan wanita Bajau memperoleh hasil tangkapan di antara lima hingga 20 kilo sehari. Jika mereka pergi ke laut 20 hari dalam sebulan, bermakna mereka memperoleh hasil tangkapan di antara 100 kilo hingga 400 kilo. Harga hasil tangkapan berbeza di antara jenis, gred dan kesegaran. Bagaimana pun jika diandaikan harga hasil tangkapan RM10.00 sekilo dan nelayan dapat menjual semua hasil tangkapan mereka, ini bermakna purata pendapatan bulanan mereka di antara RM1,000.00 hingga RM4,000.00. Perkiraan di atas mengandaikan angka yang rendah, bagaimana jika diambil kira bahawa nelayan keluar ke laut di antara 26 hingga 28 hari sebulan dan purata hasil tangkapan dijual dengan harga RM12.00 hingga RM15.00 sekilo? Daripada perkiraan di atas didapati keluarga wanita Bajau berada di atas garis kemiskinan.

Jika dilihat keadaan fizikal rumah nelayan sememangnya tidak menarik dan selalu dikaitkan dengan kemiskinan. Perlu dijelaskan di sini, rumah nelayan yang ada dibina di atas air. Mereka tidak mempunyai tanah. Mereka menganggap pembinaan rumah tersebut adalah sementara dan tiada jaminan. Rumah mereka boleh sahaja bila-bila masa, diruntuhkan apabila pihak berwajib atau pihak-pihak tertentu menginginkannya. Sekiranya itu terjadi mereka akan berpindah ke tempat lain dan membina petempatan baru, yang juga sementara sifatnya. Oleh yang

demikian apakah gunanya mereka membina rumah kekal, kukuh, teratur dan mungkin juga cantik seperti yang ada di darat. Selain daripada itu mereka tetap ingin tinggal di atas air kerana itu memudahkan mereka bekerja sebagai nelayan. Oleh sebab rumah dibina di atas air, maka soal menghias rumah bukan menjadi agenda utama dan tidak begitu dipentingkan.

Selain daripada itu, setakat ini masih belum terdengar berita yang ada keluarga nelayan di Tuaran khususnya dan Sabah amnya yang mati kebuluran akibat kemiskinan. Daripada pemerhatian, tidak juga dijumpai seorang pun ahli komuniti nelayan di kawasan kajian yang hidup dalam keadaan meminta-minta atau pun mengemis di jalanan. Dalam kajian yang lain, didapati ramai pendatang asing dari negara-negara jiran seperti Indonesia³, Filipina⁴ dan Thailand⁵ yang masuk ke negara ini baik secara sah mahupun secara haram, melibatkan diri dalam aktiviti perikanan berjaya membawa pulang ribuan ringgit ke negara masing-masing setiap tahun. Persoalannya di sini benar kah nelayan di Kampung Mengkabong miskin atau pun gaya hidup mereka yang tidak kemas dan teratur, menyebabkan mereka kelihatan seperti golongan miskin.

Purata Perbelanjaan Bulanan Keluarga Wanita Bajau

Perbelanjaan untuk membeli barang-barang dapur dibuat oleh wanita Bajau setiap hari seketika pulang dari berjualan di Pekan Tuaran. Perbelanjaan untuk dapur tidaklah begitu besar, kerana wanita Bajau mengamalkan cara hidup yang ringkas dan mudah. Mereka selalunya membeli barang-barang yang asas sahaja seperti beras, kopi, teh, gula, biskut, minyak masak, bawang dan lain-lain. Perbelanjaan dapur secara purata berjeda daripada RM350.00 hingga RM500.00 sebulan. Saiz keluarga dan umur tanggungan merupakan faktor penting dalam menentukan jumlah purata perbelanjaan bulanan keluarga.

Perbelanjaan bulanan yang tidak kurang besarnya ialah perbelanjaan untuk persekolahan anak-anak. Wanita Bajau terpaksa menyediakan wang untuk tambang, dan belanja anak-anak semasa di sekolah. Secara purata perbelanjaan bagi tujuan di atas, RM3.00 bagi anak yang bersekolah rendah dan RM5.00 untuk anak yang bersekolah menengah. Jumlah perbelanjaan bulanan bergantung pada bilangan anak dan tahap persekolahan mereka. Purata perbelanjaan sekolah bagi keluarga wanita Bajau, berjeda dari RM60.00 hingga RM380.00.

Hampir kesemua suami wanita Bajau merokok. Mereka telah mula merokok sejak zaman remaja lagi. Alasan merokok adalah untuk menghilangkan kebosanan semasa berada di laut. Perbelanjaan untuk rokok ada kalanya melebihi perbelanjaan untuk membeli minyak petrol untuk ke laut. Jenama rokok yang dihisap adalah pelbagai daripada rokok yang berharga murah hinggalah ke rokok yang mahal. Biasanya mereka merokok sebanyak sekotak atau pun dua kotak sehari. Perbelanjaan untuk rokok di antara RM60.00 hingga RM480.00 sebulan. Selain daripada rokok, suami mereka juga memerlukan perbelanjaan duit kopi. Suami-suami wanita Bajau selalunya suka minum di kedai-kedai kopi di sebelah petang sebelum turun ke laut. Di kedai kopi mereka akan menghabiskan masa berbual, main dam, main terup atau pun menonton televisyen. Dalam pada itu ada juga yang mempunyai kegemaran berjudi. Perbelanjaan duit kopi berjeda dari RM90.00 hingga RM300.00.

Minyak bot adalah perbelanjaan yang mesti. Tanpa minyak bot mereka sulit untuk ke laut. Suami wanita Bajau, keseluruhan mereka menggunakan bot berenjin sangkut dengan kuasa kuda enjin di antara 5h.p hingga 15.hp. Operasi menangkap ikan tidak begitu jauh, sekitar perairan kurang daripada lima batu nautika dari pantai. Setiap kali keluar ke laut mereka membelanjakan di antara RM10.00 hingga RM20.00 untuk minyak. Perbelanjaan untuk minyak berjeda di antara RM200.00 hingga RM500.00 bergantung pada jumlah hari ke laut dalam sebulan.

Selain daripada perbelanjaan di atas, wanita Bajau juga turut membiayai perbelanjaan utiliti yang berjeda daripada RM50.00 hingga RM200.00 sebulan. Perbelanjaan lain-lain seperti kesihatan, hiburan dan sumbangan kepada ibu bapa tidaklah begitu besar, secara purata berjeda di antara RM80.00 hingga RM350.00 sebulan. Kesemua perbelanjaan di atas ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Purata Perbelanjaan Bulanan Keluarga Wanita Bajau Di Kampung Mengkabong, Tuaran, Sabah

Jenis Perbelanjaan	Amaun Perbelanjaan							
	RM50- RM100	RM101- RM150	RM151- RM200	RM201- RM250	RM251- RM300	RM301- RM350	RM351 RM400	RM451- RM500
Belanjaan Dapur	-	-	-	-	-	35%	50%	15%
Belanjaan Sekolah	5%	10%	20%	20%	25%	15%	5%	-
Rokok	15%	-	-	25%	30%	20%	5%	5%
Duit kopi	10%	10%	25%	15%	40%	-	-	-
Minyak bot	-	-	-	10%	70%	10%	5%	5%
Utiliti	60%	35%	5%	-	-	-	-	-
Lain-lain	40%	15%	15%	10%	10%	10%	-	-

Sumber: Lapangan Kajian

Purata Tabungan Bulanan Wanita Bajau

Dari segi tabungan didapati seramai 35.0% menyatakan melakukan tabungan kurang daripada RM500.00 sebulan, 5.0% menabung di antara RM500.00 hingga RM999.00 dan 5.0% menabung di antara RM1,000.00 hingga RM1,499.00 sebulan. Mereka menyimpan wang sebahagiannya di rumah, sementara sebahagian yang lain di bank-bank di Pekan Tuaran. Tujuan membuat tabungan ialah untuk digunakan semasa kecemasan, semasa ahli keluarga sakit, mengahwinkan anak, mengadakan kenduri arwah dan kesyukuran, membaiki rumah dan juga membaiki bot dan enjin. Anehnya mereka tidak menyimpan wang untuk tujuan melanjutkan pelajaran anak-anak.

Bagi mereka yang mengatakan tidak melakukan tabungan adalah sebanyak 55.0%. Sebenarnya mereka masih melakukan tabungan tetapi tidak dalam bentuk simpanan wang tunai atau pun simpanan di bank. Dua cara lain mereka membuat tabungan. Pertama, dengan bermain 'kutu' atau main 'undi'. Permainan 'kutu' atau 'undi' adalah dengan membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada sepuluh atau dua belas orang. Setiap orang perlu membayar sejumlah wang yang dipersetujui oleh ahli setiap bulan. Jumlah wang yang perlu dibayar adalah sama bagi setiap ahli dan sama bagi setiap bulan. Satu undian akan dijalankan dengan

cara setiap orang diberi satu kertas yang mempunyai satu nombor. Setiap orang akan menggulung kertas undi mereka dan kemudian dimasukkan ke dalam sebuah bekas. Seorang akan dilantik untuk mencabut kertas undi dari mula hingga akhir. Kertas undi pertama akan mendapat wang ahli-ahli yang terkumpul pada bulan pertama, kertas kedua pada bulan kedua dan seterusnya hingga ke bulan ke sepuluh atau ke bulan dua belas. Wang terkumpul tersebut biasanya digunakan untuk membeli barang-barang kemas.

Kedua, seperti yang dijelaskan sebelum ini iaitu membuat pra bayar pada pembelian barang kemas. Wanita Bajau membuat bayaran ansuran bulanan, dan setelah selesai semua jumlah bayaran baru mereka mengambil barang kemas yang di tempah atau dipesan. Barang kemas bukan sahaja digunakan untuk perhiasan tubuh badan, tetapi ia boleh digunakan semasa kecemasan atau semasa keputusan wang dengan cara menggadaikannya di kedai-kedai emas atau kedai pajak gadai di Pekan Tuaran. Selain daripada itu sudah menjadi adat orang Bajau apabila anak perempuan mereka berkahwin, mereka akan menghadaiahkan rantai emas atau barang kemas yang lain, yang dianggap sebagai pemberian pusaka. Dalam pada itu, ramai juga di antara mereka yang membeli barang kemas bertujuan untuk menjadi barang hantaran ketika ingin mengahwinkan anak lelaki mereka.

Dari segi pemilikan harta didapati kesemua wanita Bajau tidak mempunyai tanah, bagaimana pun kesemua mereka memiliki rumah. Rumah mereka dibina sendiri baik secara upah atau pun secara gotong-royong. Rumah bertiang kayu, berdinding papan dan beratap zink. Saiz rumah biasanya 30' X20', mempunyai satu atau dua bilik tidur, ruang tamu dan dapur. Setiap rumah mempunyai beranda yang menghadap ke tanah daratan dan mempunyai pelantar yang menghadap ke laut. Pelantar digunakan untuk membasuh kain dan pinggan mangkuk, menyidai kain, menyidai jala dan jaring, menjemur ikan masin dan udang kering dan juga digunakan sebagai tempat mendaratkan hasil tangkapan. Di pelantar terdapat tangga di mana digunakan untuk naik dan turun ke perahu atau bot. Perahu dan bot ditambat pada tiang tangga tersebut. Di ruang pelantar ini juga dijadikan sebagai tempat menyangkut enjin bot, menyimpan tong minyak petrol, minyak pelicin, derum menakung air hujan dan sebagainya. Di dinding pelantar rumah digunakan untuk menyangkut kual, periuk, parang, bintur ketam, kain buruk dan lain-lain. Di salah satu sisi pelantar dibina bilik air untuk mandi dan sebuah tandas. Pembinaan tandas amat ringkas iaitu dengan membuat satu kepungan sehingga berbentuk seperti sebuah bilik, dan di lantainya dibuatkan sebuah lubang yang membolehkan najis terus jatuh ke air. Pendek kata ruang pelantar digunakan sepenuhnya, dan ia amat penting bagi masyarakat nelayan, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 3.

Gambar 3: Pelantar Rumah Wanita Bajau Yang Digunakan Bagi Pelbagai Tujuan



Sumber: Kajian Lapangan

Gambar 4: Keadaan Rumah Nelayan Wanita Bajau Yang Tidak Terurus



Sumber: Kajian Lapangan

Rumah wanita Bajau tidak mempunyai ternakan ayam itik disebabkan mereka tidak mempunyai tanah untuk berternak. Bagaimana pun didapati beberapa keluarga, yang suami dan anak lelaki mereka memelihara seekor atau

dua ayam laga (ayam Siam). Ayam ini tidak dilepaskan tetapi dipelihara dalam sebuah reban kecil yang diletakkan di atas pelantar rumah mereka. Kegiatan berlagu ayam masih aktif dijalankan di hujung-hujung Kampung Mengkabong.

Keseluruhan wanita Bajau tidak mempunyai kenderaan seperti kereta, motosikal mahu pun basikal. Alasan mereka selain tidak mampu untuk memilikinya, mereka menyatakan sukar untuk mendapatkan lesen memandu disebabkan kebanyakan mereka adalah buta huruf. Sudah pasti mereka akan gagal dalam ujian berkomputer. Bagaimana pun ramai yang mengatakan banyak lagi perkara yang lebih diperlukan dan lebih mendesak daripada kenderaan. Dalam pada itu tidak kurang pula yang menyatakan malu untuk memiliki kenderaan, kerana takut dikatakan ingin menunjuk-nunjuk.

Kesimpulan

Peranan yang dimainkan oleh wanita Bajau di Kampung Mengkabong tidak boleh dipandang ringan. Mereka bukan lagi setakat membantu suami tetapi telah menjadi tonggak ekonomi keluarga. Kebiasaannya wanita ikut ke laut menemani dan membantu suami dalam operasi menangkap ikan. Tenaga kerja mereka selalunya tidak dibayar, kerana mereka dianggap sebagai pembantu sahaja yang menjalankan kerja-kerja yang agak ringan. Bagaimana pun berbeza keadaannya dengan wanita Bajau dalam kajian ini. Mereka tidak ikut serta ke laut bersama suami, tetapi menjalankan operasi menangkap ikan secara bergilir dengan suami. Ketika suami mereka ke laut di waktu malam, mereka berada di rumah. Apabila suami pulang di waktu subuh, mereka pula pergi ke muara sungai menjalankan operasi menangkap ikan, seolah-olah mereka bekerja mengikut syif. Dalam hal ini, wanita Bajau berhak menerima ganjaran, kerana mereka sendiri yang turun ke laut tanpa bantuan atau campur tangan suami. Oleh yang demikian pendapatan keluarga adalah pendapatan suami di tambah dengan pendapatan isteri.

Hasil tangkapan suami di tambah dengan hasil tangkapan isteri, dijual sendiri oleh wanita Bajau di Pekan Tuaran, tanpa melalui orang tengah. Ini membolehkan mereka mendapat pulangan yang sewajarnya. Dalam hal ini wanita Bajau tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak. Mereka tidak bergantung atau terikat dengan orang tengah yang biasanya mengamalkan 'sistem tauke'. Urus niaga yang dijalankan dalam bentuk tunai, membolehkan wanita Bajau memenuhi keperluan harian mereka dan di samping input-input perikanan. Ini semua dapat dilakukan kerana jarak Kampung Mengkabong yang begitu hampir dengan Pekan Tuaran. Dapat dikatakan bahawa jarak di antara tempat pendaratan dengan tempat pemasaran mempengaruhi sosioekonomi komuniti nelayan. Nelayan selalu digambarkan sebagai masyarakat terpinggir, tetapi dalam kes ini agak berkecuali.

Selain daripada itu sifat fizikal muara sungai itu sendiri memberi rezeki kepada nelayan-nelayan di Kampung Mengkabong. Sumber di perairan muara sungai ini masih banyak, kerana sejak sekian lama ia dieksploitasi dengan menggunakan peralatan tradisional. Hasil yang didaratkan sesuai dengan keperluan penduduk setempat dan tidak berlaku tanda-tanda kepupusan sumber perikanan. Di kawasan muara sungai ini tidak terdapat perusahaan perikanan komersial, yang menggunakan peralatan canggih yang boleh mengaut hasil perikanan dengan rakus, dalam tempoh masa yang singkat. Oleh yang demikian dapat dikatakan pengeksplotasian sumber perikanan di kawasan ini diusahakan

secara mampan. Selain daripada itu pembangunan di kawasan daratan dan pedalaman yang terkawal dan tidak drastik, menyebabkan kurang berlaku pencemaran sungai.

Wanita Bajau yang berperanan sebagai nelayan dan peniaga ikan telah berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga nelayan di Kampung Mengkabong. Walaupun pembangunan ekonomi telah dapat dianggap berjaya, namun begitu ia tidak seiring dengan pembangunan sosial, khususnya pendidikan. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, sebilangan besar wanita Bajau tidak bersekolah dan ramai yang menamatkan pelajaran hanya di peringkat Penilaian Menengah Rendah sahaja. Trend yang hampir sama berlaku kepada anak-anak mereka. Walau pun pada masa ini semua anak mereka bersekolah, namun begitu pengajian di tamatkan di peringkat yang lebih awal. Mereka tidak meletakkan harapan yang tinggi kepada pendidikan anak-anak, kerana melihatkan keadaan sekarang di mana anak-anak lepasan Sijil Pelajaran Malaysia, hampir keseluruhan mereka menganggur atau pun meneruskan pekerjaan keluarga mereka sebagai nelayan. Oleh yang demikian pihak yang bertanggung jawab perlu menekan dan memberi perhatian kepada program pembangunan insan generasi muda komuniti nelayan selain daripada pembangunan ekonomi.

Komuniti nelayan digambarkan miskin kerana cara hidup dan persekitaran yang terlalu asas dan tidak terurus. Ini terjadi kerana mereka tinggal di atas permukaan air disebabkan tiada bertanah. Memberi mereka tanah bukan merupakan jawapan yang begitu tepat, kerana tanah di kawasan pinggir pantai biasanya tidak begitu sesuai untuk kegiatan pertanian, kecuali tanaman kelapa di kawasan pantai berpasir. Untuk memindahkan mereka ke tanah-tanah di daratan yang jauh dari laut, hanya menambahkan kesulitan daripada kemudahan, kecuali untuk menukarkan wajah mereka daripada komuniti maritim kepada komuniti agraria.

Nelayan perlu tinggal di pantai, tebing sungai atau di atas permukaan air yang membolehkan mereka berhubung terus dengan laut. Oleh yang demikian sudah tiba masanya dilakukan anjakan paradigma, di mana satu cara harus difikirkan, dan dilaksanakan untuk mengeluarkan geran-geran yang boleh mengiktiraf pemilikan kawasan terukur di perairan pesisir pantai. Pengiktirafan hak milik kawasan perairan, memberi satu bentuk jaminan kepada kaum nelayan. Ini membolehkan mereka melakukan sesuatu yang berbentuk kekal, seperti pembinaan rumah yang lebih baik, jeti pendaratan persendirian, sangkar pemeliharaan ikan yang kekal, tempat riadah dan rekreasi, kedai runcit dan restoran makanan laut, dan lain-lain. Dengan adanya pengiktirafan hak milik kekal ini, diyakini gambaran komuniti nelayan yang tidak terurus, miskin, kotor akan berubah kepada pemandangan yang lebih menarik, bersih dan menyenangkan. Maka ketika itu berubahlah nama kampung nelayan daripada "Kampung Atap", "Kampung Sungai Sembilang", "Kampung Sungai Ular" kepada "Kampung Nelayan Maju", "Kampung Nelayan Jaya", dan "Kampung Nelayan Bahagia".

Nota Hujung

¹ "Kereta sapu" ialah kereta yang memainkan peranan sebagai sebuah teksi tetapi tidak mempunyai permit. Tambangnya adalah lebih murah daripada teksi dan ia boleh pergi kemana sahaja yang diarahkan oleh penumpang.

² Duit kopi dalam tulisan ini bukan simpulan bahasa yang membawa maksud duit rasuah, tetapi merupakan wang yang diperlukan untuk perbelanjaan makan dan minum di kedai kopi.

³ Mohammad Azzam Manan, "Penglibatan Buruh Perikanan Asing Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda dan Pukat Jerut Di Sabah," (Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, 2005).

⁴ Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mazlan Masjid & Yeap Hock Lai, "Penglibatan Buruh Perikanan Filipina Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda Di Kudat, Sabah," dalam *Borneo Research Journal*, Vol. 1 (2007), hlm. 159 -171.

⁵ Yeap Hock Lai, "Penglibatan Buruh Perikanan Thai Dalam Sektor Perikanan Di Semenanjung Malaysia: Kajian Kes Di Tok Bali, Kelantan," (Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, 2005).